

# ROSAK KUIL GUNAKAN ISA - DR. M

**I**POH 3 Jun — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata adalah menasabah bagi menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) jika kegiatan merosakkan kuil-kuil menimbulkan ketegangan dan mengancam keselamatan negara.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita di lapangan terbang di sini hari ini ketika ditanya kemungkinan kerajaan menggunakan ISA memandangkan kegiatan merosakkan kuil-kuil.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dalam satu kenyataannya di sebuah akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini berpendapat jika kegiatan merosakkan kuil-kuil itu dirasakan mengancam keselamatan negara, kerajaan boleh menggunakan ISA.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir: "Adalah menasabah bagi menggunakan ISA seperti yang disebut oleh Ketua Polis Negara itu jika kegiatan seumpama itu menimbulkan ketegangan dan mengancam keselamatan negara."

Timbalan Perdana Menteri berada di sini kerana mengadakan perbincangan dengan para pemimpin UMNO dan Barisan Nasional negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang mengadakan pertemuan dengan UMNO negeri malam tadi memberitahu bahawa dalam mesyuarat itu beliau telah membincangkan tentang perlunya menempatkan kuil-kuil di kawasan di mana ia boleh dijaga oleh orang ramai.

Katanya, UMNO menentang mereka yang merosakkan tempat-tempat ibadat, tetapi keadaan kuil-kuil yang terpencil menimbulkan tarikan bagi mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, setengah-setengah kuil terletak jauh dari jalan memudahkan mereka yang tidak bertanggungjawab memusnahkannya dan lari. Kuil-kuil yang ditempatkan di kawasan-kawasan tidak mempunyai penduduk akan menyukarkan pihak polis menjaganya.

Timbalan Presiden UMNO itu juga memberitahu bahawa beliau sedang menimbang melepaskan jawatannya sebagai pengerusi-pengerusi UMNO dan Barisan Nasional Perak.

Bagaimanapun, menurutnya, terpujang kepada Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn yang juga Pengerusi Kebangsaan Barisan Nasional untuk membuat keputusan muktamad mengenainya.

Menurutnya, keputusan mengenai perkara itu hanya akan dibuat selepas perhimpunan agung UMNO.

Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Wan Mohamad bin Wan Teh ialah Timbalan Pengerusi UMNO dan Timbalan Pengerusi Barisan Nasional negeri.

"Saya fikir tidaklah perlu bagi saya berada di sini kerana Perak boleh menjaga dirinya sendiri," katanya.

Ditanya siapa yang akan mengambilalih kedua-dua jawatan itu darinya, Timbalan Perdana Menteri berkata orang itu ialah yang dapat sepenuh masa berada di sini kerana beliau sendiri tidak dapat melawat Perak begitu kerap.

Sementara itu, ketika bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Barisan Nasional malam tadi, beliau mengumumkan perlantikan Dato' Sri Haji Wan Mohamad untuk menyelaraskan kegiatan Barisan Nasional Perak, khususnya di kawasan yang dipegang oleh pembangkang — Ipoh dan Menglembu.

Beliau berkata, Barisan Nasional berpendapat penduduk Ipoh dan Menglembu perlu diwakili oleh parti yang memerintah.

P UM 4 JUN 1977